

MAHATHIR-PENUNTUT 1984

OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN

CANBERRA, 10 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATI PENUNTUT-PENUNTUT MALAYSIA YANG SEDANG MENUNTUT DI SEBERANG LAUT SUPAYA BELAJAR BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN PULANG KE TANAH AIR SETELAH MENAMATKAN PENGAJIAN MASING-MASING UNTUK BERKHIDMAT KEPADA NEGARA DAN RAKYAT.

BELIAU BERKATA MEREKA PATUT SEDAR BAHAWA MEREKA MERUPAKAN SEGOLONGAN KECIL YANG BERNASIB BAIK KERANA DAPAT MELANJUTKAN PELAJARAN KE SEBERANG LAUT DAN PENGAJIAN MEREKA DI LUAR NEGERI ADALAH HASIL DARIPADA +SUMBANGAN DAN PENGORBANAN RAKYAT.+

OLEH ITU PENUNTUT-PENUNTUT BERKENAAN JANGANLAH SAMPAI MENGABAIKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA DAN MELAKUKAN SESUATU YANG TIADA KAITANNYADENGAN PENGAJIAN MEREKA, KATANYA KETIKA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 150 ORANG PENUNTUT MALYSIA DI PEJABAT SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA DI SINI.

PERDANA MENTERI JUGA MENASIHATI PENUNTUT-PENUNTUT SUPAYA MEMAHAMI KENYATAAN BAHAWA MALAYSIA MERUPAKAN SEBUAH NEGARA BERBILANG-BILANG BANGSA DAN JUSTRU ITU MEREKA TIDAKLAH HARUS MELAKUKAN SESUATU YANG BOLEH MEROSAKKAN PERPADUAN DAN KEHARMONIAN KAUM YANG WUJUD DI NEGARA SEKARANG.

-- LAGI

2215MST 10 08 84

D335

UB867 AAB

MAHATHIR-PENUNTUT 2 CANBERRA

+JIKA PERKARA SEPerti ITU BERLAKU, MAKA KESETABILAN POLITIK KITA DAN USAHA-USAHA YANG SEDANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN BAGI MEMBANGUNKAN NEGARA AKAN TERJEJAS.

+NEGARA TIDAK AKAN DAPAT MENERUSKAN PEMBANGUNANNYA SEPerti MANA YANG TELAH DAPAT DICAPAI SEJAK MENCAPAI KEMERDEKAAN,+KATANYA.

INGATAN PERDANA MENTERI ITU DIPERCAYAI DIRANGSANGI OLEH LAPORAN-LAPORAN YANG MENGATAKAN BAHAWA SETENGAH-SETENGAH ANGGOTA SEBUAH PARTI PEMBANGKANG DI TANAH AIR YANG AKHIR-AKHIR INI BERKUNJUNG KE LUAR NEGERI TERMASUK AUSTRALIA UNTUK MENGHASUT PENUNTUT-PENUNTUT SUPAYA MENENTANG KERAJAAN.

+SAYA TAHU ADA ORANG-ORANG YANG TERTENTU MEMBERITAHU PENUNTUT-PENUNTUT BAHAWA INI SALAH, ITU TIDAK BETUL, PERKARA-PERKARA SEPerti ITU TIDAK PATUT DILAKUKAN DAN BERBAGAI-BAGAI PERKARA LAGI.+ BELIAU BERKATA TETAPI SUATU PERKARA YANG PATUT DISEDARI BAHAWA PENUNTUT-PENUNTUT ITU BERJAYA MELANJUTKAN PELAJARAN DI SEBERANG LAUT KERANA ADA ORANG YANG SANGGUP BERKORBAN UNTUK MEREKA.

+WANG YANG DIBELANJAKAN UNTUK MENGHANTAR PENUNTUT-PENUNTUT KE SINI BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MEMBAYAR GAJI BERIBU-RIBU ORANG PEKERJA YANG DAPAT MENYUMBANGKAN USAHA KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA..

MAHATHIR-PENUNTUT 3 CANBERRA

+TETAPI OLEH KERANA ANDA DAPAT MEMBERIKAN SUMBANGAN YANG LEBIH BESAR APABILA TAMAT PENGAJIAN NANTI, MAKA KAMI MEMBERI KEUTAMAAN; KEPADA PELAJARAN DENGAN HARAPAN ANDA TIDAK AKAN MENGECEWAKAN KAMI,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENASIHATI PENUNTUT-PENUNTUT YANG BELAJAR DENGAN PINJAMAN MARA SUPAYA MEMBAYAR PINJAMAN ITU SEMULA SETELAH MEREKA LULUS DAN MENDAPAT PEKERJAAN.

+KAMI MEMERLUKAN WANG UNTUK MEMBIAYAI PENDIDIKAN ORANG-ORANG LAIN YANG SENASIB DENGAN ANDA DULU,+ KATANYA.

PENUNTUT-PENUNTUT ITU BERKUMPUL DI PEJABAT SURUHANJAYA TINGGI UNTUK MENYAMBUK PERDANA MENTERI, ISTERINYA DATUK SERI DAT'IN PADUKA DR. SITI WASMAH DAN ROMBONGAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MERASMIKAN BANGUNAN BARU SURUHANJAYA ITU.

-- LAGI

**MAHATHIR - PENUNTUT 4 CANBERRA**

SEBELUM ITU, MENTERI PELAJARAN DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI YANG JUGABERUCAP KEPADA PARA PELAJAR ITU BERKATA PELBAGAI LANGKAH DIAMBIL OLEH KERAJAAN BAGS-MENJAGA KEBAJIKAN MEREKA.

INI TERMASUK PENUBUHAN SEBUAH JAWATANKUASA KHAS PERINGKAT MENTERI YANG DIKETUAI OLEH BELIAU SENDIRI UNTUK MENYELIA KEG14TA.N PELAJAR DI SEBERANG LAUT, USAHA MEMPERBAIKI JENTERA PENTADBIRAN JABATAN-JABATAN PELAJAR MALAYSIA DI SEBERANG LAUT DAN RANCANGAN UNTUK MENERBITKAN PITA-PITA VIDEO UNTUK DITAYANGKAN KEPADA MEREKA.

BELIAU BERKATA PITA-PITA ITU YANG AKAN MENGANDUNGI BAHAN MAKLUMAT DAN HIBURAN BERTUJUAN MEMBERI PENERANGAN YANG BETUL TENTANG APA YANG BERLAKU DI TANAH AIR, AGAR MEREKA TIDAK TERPEDAYA DENGAN PENERANGAN PALSU.

BANGUNAN BERHARGA A\$1.6 JUTA (M\$3.2 JUTA) ITU DIBINA MENGIKUT REKABENTUK MINANGKABAU YANG DIILHAMKAN OLEH KAKITANGAN SURUHANJAYA TINGGI.

IA DILENGKAPI DENGAN SEBUAH DEWAN PAMERAN YANG BOLEH MENAMPUNG 200 ORANG.

SEORANG ARKITEK MALAYSIA BERNAMA MOHAMMAD YANG BERADA DISINI ATAS RANCANGAN FELLOWSHIP DULU TELAH MENCIPTA MOTIF BUNGA KEBANGSAAN, BUNGARAYA, YANG KINI TERPAMPANG DI DINDING BANGUNAN TERSEBUT. -- BERNAMA ITEM STORED. AS: BA386, BCS 00172 G10-082244  
MAHATHIR PELAJAR 4 CANBERRA SEBE

---